

KUALA LUMPUR, 28 OCOS (BERNAMA) -- PENSWASTAAN KERETAPI TANAH MELAYU (KTM) AKAN BERDASARKAN KEPADA NILAI KEMAMPUAN KEMUNGKINAN UNTUNG DAN TIDAK MENGIKUT NILAI ASETNYA YANG SEBENAR, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR HOHAMAD HARI INI.

KATANYA, CARA INI UNTUK MENJAMIN KTM MENCAPAI KEUNTUNGAN SELEPAS PENSWASTAAN DAN KERAJAAN TIDAK MAHU MEMBEBAKAN KTM DENGAN TEKANAN ASET YANG TERLALU TINGGI.

CARA YANG SERUPA DIGUNAKAN SEMASA PERKHIDMATAN JABATAN TELEKOM DISWASTAKAN KEPADA SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA (STM), KATANYA PADA PERASMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN TIGA TAHUN SEKALI KALI KEEMPAT KESATUAN PEKERJA KERETAPI TANAH MELAYU (RUM) DI SINI.

+APABILA KITA PINDAH SESUATU AGENSI KERAJAAN KEPADA SWASTA KITA TIDAK MENILAIKANNYA MENGIKUT ASET YANG DIPUNYAI OLEH SESWATU AGENSI ITU,+ KATANYA.

+SEBAB ITU KITA MENILAI AGENSI INI DENGAN NILAI YANG ADA KAITAN DENGAN KEMAMPUAN KEMUNGKINAN IANYA UNTUNG., KATALAH IA BOLEH UNTUNG \$100 JUTA DAN KITA DARAB INI MUNGKIN DENGAN 10 ATAU 20, 'MULTIPLE'-NYA, DENGAN ITU KITA DAPAT SATU NILAI BERPATUTAN YANG BERKEMUNGKINAN MEMBERI KEUNTUNGAN TETAPI TIDAK MERUPAKAN NILAI SEBENAR,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI.

1452MST 28 08 90

D778

U B 6 2 2 AAB
MAHATHIR - KTM 2 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, CARA KERAJAAN ITU JUGA DIGUNAKAN OLEH BRITAIN SEPERTI PENSWASTAAN BRITISH AIRWAYS, BRITISH AIRPORT AUTHORITIES DAN NATIONAL ELECTRICITY BOARD, DENGAN MEMBERI NILAI YANG ADA KAITAN DENGAN KEUNTUNGAN SEOLAH-OLAH MENJAMIN KEUNTUNGAN.

SEBAGAI CONTOH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SEKIRANYA DIAMBIL ASET TANAH DAN PELBAGAI LAGI ASET JABATAN TELEKOM, IA BERNILAI LEBIH DARIPADA \$10,000 JUTA.

+KALAU KITA AMBIL NILAI ASET INI SEBAGAI MODAL IAITU \$10,000 JUTA, TIDAK MUNGKIN STM HENCAPAI KEUNTUNGAN,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA PEKERJA KTM BAHAWA PENSWASTAAN AKAN MENGUNTINGKAN MEREKA TERUTAMA DENGAN RANCANGAN-RANCANGAN YANG TELAH DIRANCANG OLEH PENGURUS BESARNYA.

+KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBENARKAN SEBARANG TINDAKAN YANG BOLEH MERUGIKAN PEKERJA,+ KATANYA SAMBIL MENAMBAH, SEKIRANYA RUGI KERAJAAN AKAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH TERTENTU BAGI MENGATASINYA. -- LAGI.

1454MST 28 08 90

D782

U B624 DEB
MAHATHIR - KTM 3 KUALA LUMPUR

BELIAU YAKIN, APABILA DISWASTAKAN MUTU PERKHIDMATANNYA AKAN DAPAT DIPERBAIKI DAN IA AKAN MUNCUL SEBAGAI SATU SISTEM PENGANGKUTAN YANG DAPAT MENARIK PELANGGAN YANG BANYAK DAN MENGAUT KEUNTUNGAN.

+SAYA YAKIN PARA PEKERJA JUGA AKAN MEPEROLEHI BANYAK FAEDAH,+ KATANYA SAMBIL MENAMBAH BAHAWA NIKMAT YANG AKAN DITERIMA OLEH MEREKA BANYAK BERGANTUNG KEPADA KEMAJUAN DAN PRODUKTIVITI MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PADA MASA DAHULU SISTEM PENGANGKUTAN DIMONOPOLI OLEH KERETAPI TETAPI TIDAK LAGI SEKARANG KERANA ORANG RAMAI BOLEH MEMILIH UNTUK MENAIKI KERETA SENDIRI ATAU KAPAL TERBANG. KEADAAN INI MENYEBABKAN KERETAPI HARUS BERSAING DENGAN SISTEM PENGANGKUTAN YANG ADA.

+PADA MASA INI PERKHIDMATAN SISTEM PENGANGKUTAN LAIN TELAH MENINGKAT DENGAN MENDADAK DAN TIDAK ADA SEBAB SISTEM KERETAPI TIDAK BOLEH DIPERBAIKI SEPOPULAR DAHULU,+ KATANYA.

+KALAU PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) TERKENAL DENGAN PERKHIDMATAN ANAK KAPAL YANG TERBAIK DI DUNIA, TIDAK ADA SEBAB SISTEM KERETAPI KITA TIDAK BOLEH MENJADI BAIK ATAU SETANDING MAS,+ KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI.

D785

U B625 D E 8
MAHATHIR - KTM 4 KUALA LUMPUR

BELIAU PERCAYA KTM BOLEH SETANDING DENGAN MAS SEKIRANYA PARA PEKERJANYA DILATIH UNTUK MENBERI LAYANAN SEBEGITU BAIK SEBAGAIMANA YANG DIPRAKTIKKAN OLEH MAS DAN ADA KENUNGKINAN PARA PENGGUNA MENOLAK PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN LAIN DAN MEMILIH UNTUK MENGGUNAKAN KERETAPI.

+MASA DEPAN KERETAPI CERAH TETAPI IA BERGANTUNG KEPADA SAMA ADA KITA (KAKITANGAN KTM) BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENPUNYAI PANDANGAN BAIK DALAM MENGURUSKAN PERKHIDMATAN KERETAPI DI NEGARA INI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR NAHATHIR YAKIN TINDAKAN KESATUAN SEKERJA PEKERJA-PEKERJA.KERETAPI TANAH NELAYU (RUM) YANG LEBIH BEKERJASAMA DAN BUKANNYA BERKONFRANTASI DALAM PERHUBUNGAN ANTARA PEKERJA DAN MAJIKAN, AKAN DAPAT MENINGKATKAN LAGI MUTU PERKHIDMATAN KTM.

BELIAU JUGA BERHARAP NESYUARAT ITU AKAN MEMBINCANGKAN SOAL-SOAL PENSWASTAAN DENGAN FIKIRAN TERBUKA DAN TURUT NENGINATKAN MEREKA BAHAWA,KERAJAAN TIDAK BERNIAT UNTUK MENGANIAYA MANA-MANA PIHAK DALAM USAHANYA UNTUK NENSWASTAKAN AGENSI-AGENSINYA. -- BERNANA..

1512MST 28 08 90